

Pemuda Amanah gesa tubuh RCI siasat 1MDB
Free Malaysia Today
Dec 11, 2016
Minderjeet Kaur

Naib Ketua Pemuda Amanah berkata 1MDB perlu disiasat secara bebas agar duit yang hilang dapat diperoleh semula.

SHAH ALAM: Pemimpin Pemuda Amanah menggesa penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk menyiasat 1Malaysia Development Berhad (1MDB), dengan harapan negara akan dapat menutup kerugian.

Naib Ketua Pemuda Amanah Faiz Fadzil berkata mereka juga mahu ahli perniagaan Malaysia Jho Low, dan Riza Aziz, yang juga anak tiri kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, untuk disiasat

1MDB merupakan satu daripada usul yang diluluskan untuk perbincangan di Konvensyen Amanah Kebangsaan 2016, di sini.

“1MDB boleh menjejaskan ekonomi negara kerana pinjaman terikat dengan bon kerajaan. Ekonomi negara kita menerima banyak pukulan. Banyak subsidi dipotong termasuk untuk pendidikan, minyak masak, dan lain-lain.

“Rakyat sudah dibebankan dengan GST (cukai barangan dan perkhidmatan),” katanya semasa perbahasan.

Beliau berkata, pelaburan langsung asing (FDI) juga mengurangkan warga asing kerana hilang keyakinan terhadap ekonomi negara.

“Kami malu pergi ke Thailand kerana mata wang kita (ringgit) tidak diterima di sana lagi.”

Financial Times dalam satu laporan baru-baru ini berkata, negara cuba mendapatkan pertolongan China untuk membantu 1MDB membayar AS\$6.5 bilion (HK\$50.4 bilion) hutang kepada firma kewangan kerajaan Abu Dhabi.

Bagaimanapun Laporan Financial Times disangkal Pengerusi 1MDB Tan Sri Irwan Siregar Abdullah baru-baru ini.

Najib sentiasa menafikan sebarang salah laku dan menegaskan kerajaan sedang bekerjasama dengan penyiasat yang ditugaskan menyiasat.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/2016/12/11/pemuda-amanah-gesa-tubuh-rci-siasat-1mdb/>